



*Siaran*

# **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 - ( ) 04/01

## **DAKWAAN TIDAK BENAR TERHADAP MENTERI PERTAHANAN MENGAITKAN PENGUNAAN ASET ATM UNTUK KEMPEN PILIHAN RAYA**

Dakwaan yang tular di media sosial bahawa Menteri Pertahanan menggunakan kenderaan rasmi kerajaan untuk berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands baru-baru ini, adalah tidak benar sama sekali.

Gambar pertama yang memaparkan YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu yang berlatar belakangkan helikopter adalah lawatan rasmi beliau sebagai Menteri Pertahanan ke Kem Slim, Cameron Highlands pada Rabu, 9 Januari 2019. Beliau telah pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama selepas selesai lawatan.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, lawatan rasmi tersebut tidak ada kena mengena dengan pilihan raya kerana kesemua anggota tentera di Kem Slim tersebut adalah pengundi di Parlimen Sungai Petani, Kedah dan bukannya di Parlimen Cameron Highlands.

Manakala gambar kedua yang memaparkan beliau ke penamaan calon PRK Cameron Highland adalah pada hari Sabtu, 12 Januari 2019. YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah bertolak ke Cameron Highlands pada 11 Januari adalah menggunakan jalan darat dengan menaiki kenderaan persendirian dan pulang ke Kuala Lumpur selepas selesai penamaan calon.

Adalah jelas sekali bahawa kedua-dua gambar tersebut adalah pada hari dan tarikh yang berlainan.

Kementerian Pertahanan meminta agar pihak-pihak tertentu memeriksa terlebih dahulu untuk kesahihan maklumat sebelum menyebarkan perkara yang tidak benar.

- Tamat -

---

**Kementerian Pertahanan**  
**15 Januari 2019**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA